

Malaysia mampu buat bas sendiri — Abdullah

PUTRAJAYA 22 Mac — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin negara ini mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan bas sendiri dengan menggunakan komponen tempatan.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting masyarakat dapat menggunakan bas yang dibuat sendiri oleh rakyat.

“Kita seboleh-bolehnya nak guna bas yang dibuat sendiri oleh rakyat, itu yang penting kalau kemampuan telah ada.

“Kalau yang boleh buat, kita buat sendiri. Kita nak supaya seboleh-bolehnya bas yang kita buat itu guna komponen dalam negeri tapi kalau komponen dalam negeri belum ada, kita bolehlah import enjinnya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melihat tiga buah bas dua tingkat keluaran syarikat tempatan iaitu SKS Coach Builders Sdn. Bhd. sebelum menghadiri mesyuarat Kabinet di pekarangan pejabatnya di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin.

Bas buatan SKS Coach itu dibeli oleh dua syarikat pengangkutan utama negara iaitu Mara Liner serta Airbus dan ia juga dieksport ke Australia, Hong Kong, Bangladesh, India, Singapura dan China.

Umm - 23/3/2006
Biar pun menggunakan enjin yang diimport dari Jerman, bas itu mempunyai beberapa kelebihan termasuk mampu membawa sehingga maksimum 70 penumpang dalam satu masa dengan kos yang sama dengan bas biasa.

Mengulas mengenai bas berkenaan, Perdana Menteri berkata, beliau melihat buaatannya adalah kemas, elok dan mempunyai rekaan yang cantik.

Sambil menyambut baik perkara itu, Abdullah berkata, ia menunjukkan pengeluaran bas itu adalah satu tanda ke arah Malaysia yang lebih cemerlang.

Sementara itu, Pengarah SKS Coach Builders Sdn. Bhd., Hussein Mohamed berkata, kilangnya yang terletak di Puchong mampu mengeluarkan 40 hingga 80 buah bas sebulan.

“Kita merancang untuk mengeluarkan 30 unit bas bertingkat dalam masa terdekat ini,” katanya.

ABDULLAH Ahmad Badawi, Najib Tun Razak, Nor Mohamed Yakcop, Mohamed Khaled Nordin dan Chan Kong Choy mendengar penerangan mengenai keselesaan bas buatan tempatan daripada Hussein Mohamed (dua dari kanan) ketika meninjau keadaan dalaman bas tersebut di Putrajaya, semalam.

